A Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

potong	buah	biji	bilah	batang	helai

Pada hujung minggu yang lalu, ibu dan ayah mengadakan sambutan hari jadi untuk adik. Saya dan kakak telah menghias rumah dengan menggantungkan beberapa _____ belon. Ibu pula masak pelbagai jenis makanan di dapur, manakala ayah ke kedai untuk membeli kek.

Semasa acara bermula, adik kelihatan sungguh comel. Adik memakai se_____ baju gaun. Kami menyanyikan lagu hari jadi sebelum adik meniup tiga _____ lilin. Selepas itu, adik memotong kek. Saya memakan beberapa _____ kek kerana rasanya yang enak.

Para tetamu berasa gembira semasa acara berlangsung. Mereka memuji makanan yang dimasak oleh ibu. Mereka turut mendoakan kesejahteraan untuk adik.

B Pilih perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

bidang	rumpun	cubit	batang	keping

1. Kami telah menyeberangi se_____ sungai semasa mendaki ke bukit itu.
2. Puan Hanis membeli dua _____ permaidani di Nilai.
3. Kakak memasukkan beberapa _____ gula ke dalam bancuhan air teh yang tawar itu.
4. Setiap pagi, Wen Ting makan dua _____ roti sebelum pergi ke sekolah.
5. Beberapa _____ pandan telah ditanam oleh nenek di belakang rumah.

© *Penerbitan Bangi Sdn. Bhd.*

扫描全能王 创建 LIVEWORKSHEETS